



Headline: Wanita ditipu Macau Scam RM7,900  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 6 January 2019

Language: Malay  
Section: Jenayah  
Page: 13

## **Wanita ditipu Macau Scam RM7,900**

**Kepala Batas:** Seorang pengurus pusat pendidikan awal kanak-kanak kerugian RM7,900 selepas ditipu oleh sindiket Macau Scam yang mendakwa kononnya terbabit dalam kes pengubahan haram dan dadah, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata ia bermula apabila wanita berusia 28 tahun itu menerima panggilan telefon seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis, ketika berada di tempat kerjanya.

Katanya, lelaki itu kemudian memberitahu mangsa kononnya dia terbabit dengan kes jenayah.

### **Wang hilang dari akaun**

"Berikutan panik dan takut, wanita itu mengikut arahan lelaki terbabit, lalu menyerahkan pelbagai maklumat akaun banknya. Dia hanya menyedari ditipu selepas mendapati wang dalam akaun banknya sudah tiada," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa cuba ditenangkan oleh suspek yang kemudian memintanya untuk datang ke balai polis berhampiran bagi proses pemulangan wang.

Katanya, mangsa kemudian pergi ke balai polis dan diberitahu ia adalah panggilan palsu oleh sindiket Macau Scam.

"Susulan kejadian, mangsa membuat laporan polis. Polis menasihatkan semua agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat serta tipu helah sindiket.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.